

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN
AHMAD [KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 28 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini pelaksanaan sistem Rekod Kesihatan Elektronik atau *Electronic Medical Records* (EMR) dalam menyimpan maklumat pesakit dan rekod sejarah perubatan di hospital-hospital Kerajaan seluruh negara. Seterusnya apakah pelan Kerajaan hari ini dalam melaksanakan sistem digital ini keseluruhan hospital dan klinik kesihatan dan tidak tertumpu kepada beberapa buah hospital sahaja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, Sistem Rekod Kesihatan Elektronik atau *Electronic Medical Records* (EMR) **telah dilaksanakan di 37 daripada 146 buah** hospital Kerajaan, iaitu bersamaan dengan 25%. Bagi klinik kesihatan pula, **sebanyak 97 daripada 1,090 buah klinik kesihatan,** bersamaan dengan 9% telah dilaksanakan sistem tersebut. Dengan penggunaan sistem ini, **data mengenai pesakit dijana dan disimpan secara digital** dan bukan lagi di atas kertas. Ini dapat **meningkatkan kecekapan dalam pengurusan maklumat** pesakit disamping **mengurangkan keperluan ruang** untuk menyimpan rekod-rekod perubatan.

2. Selain itu, Kementerian Kesihatan juga telah membangunkan satu (1) platform **Health Information Exchange** (HIE) yang dikenali sebagai MyHix. Melalui platform ini **maklumat kesihatan pesakit boleh dikongsikan antara fasiliti kesihatan** dengan **mudah, cepat** dan **selamat**. Sehingga kini, 10 buah hospital dan sebuah klinik kesihatan telah berintegrasi dengan platform ini.

3. Walaupun usaha untuk membangunkan sistem EMR ini telah dimulakan sejak 3 dekad lalu, kemajuan yang dicapai sehingga kini masih rendah. **Cabaran utama yang dihadapi adalah perubahan teknologi yang pantas** serta **kekangan untuk mendapatkan dana yang mencukupi**. Namun, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terus beriltizam untuk memperluaskan pelaksanaan sistem EMR ini di semua fasiliti kesihatan Kerajaan seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Pada tahun ini, Kementerian Kesihatan telah diluluskan peruntukan untuk Projek Perintis Perluasan Sistem EMR yang akan melibatkan 9 buah hospital daerah dipelbagai negeri. Selepas dipertimbangkan semula, Kementerian Kesihatan telah memutuskan untuk meminda projek tersebut kepada Projek Pelaksanaan *Electronic Medical Record* (EMR) Kebangsaan Fasa 1.

5. Cadangan pelaksanaan Projek EMR Kebangsaan **Fasa 1** ini akan melibatkan keseluruhan fasiliti kesihatan Kerajaan di **Negeri Sembilan** merangkumi **7 buah hospital**, **44 buah klinik kesihatan** dan **12 buah klinik pergigian**. Sistem EMR di setiap fasiliti tersebut akan diintegrasikan melalui platform perkongsian MyHix yang turut akan ditambahbaik. Melalui pendekatan menyeluruh sebegini, adalah diharapkan hasrat untuk membangunkan Indeks Utama Pesakit (*Master Patient Index*) dan Rekod Sepanjang Hayat (Lifetime Health Record) dapat direalisasikan. Selain itu, pelaksanaan Fasa 1 ini juga akan turut mengambil kira keperluan perkhidmatan tambahan seperti Temujanji dan Pendaftaran pesakit Atas Talian, Pembayaran Elektronik (*e-Payment*) dan Konsultasi Secara Maya (*Virtual Consultation*).
6. Bagi peluasan pelaksanaan EMR keseluruh negara, ianya akan tertakluk kepada keberhasilan pelaksanaan Fasa 1 dan juga model pembiayaan projek yang akan dikenalpasti kemudian.

Sekian, terima kasih.